



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE LIBERAL APPROACH TO ISLAM AND ITS CONTRACTIONS WITH THE SUNNI]

PENDEKATAN LIBERAL TERHADAP ISLAM DAN PERCANGGAHANNYA DENGAN MANHAJ AHLI SUNAH WALJAMA'AH

AHMAD BAZLI SHAFIE^{1*} & MUHAMMAD RASHIDI WAHAB¹

¹ Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, MALAYSIA

*Corresponding Author: bazlishafie@unisza.edu.my

Received Date: 22 February 2022 • Accepted Date: 30 April 2022

Abstract

Modernism has a great influence on contemporary human civilization. Modernization not only brings about changes in advancement of science and technology, but also challenges the credibility of religious institutions and authorities through ideologies based on secular philosophy. In the Muslim context, the “renewal” or “reform” movement, known as Liberal Islam, has emerged to give a new interpretation of Islam, deconstructing the manhaj of Ahli Sunah Waljama'ah and reconstructing a new methodology in accordance with liberalism framework. Through the method of document content analysis, this paper aims at analysing the thoughts of Liberal Islam, in particular; its critical study of the history of Muslim intellectualism and its reinterpretation of the Qur'an based on hermeneutics. The results of the study show that the Liberal Islam approach is completely in conflict with the manhaj of Ahli Sunah Waljama'ah which is founded on the basis of wasatiyyah, just ('adl) and adab. The Sunnis approach has been able to put a balance between the literal-exclusive and liberal-inclusive approaches in the interpretation of Islam throughout the history of Muslim intellectualism. In conclusion, the Liberal Islam thoughts must be rejected as declared in the decision of the Malaysia Fatwa Council.

Keywords: Islam Liberal, historical critical method, hermeneutics, Ahli Sunah Waljama'ah, manhaj.

Abstrak

Modernisme telah memberi pengaruh yang besar ke atas tamadun manusia zaman kini. Modernisasi bukan hanya membawa perubahan dalam bentuk kemajuan sains dan teknologi, tetapi turut mencabar kewibawaan institusi dan autoriti agama melalui pelbagai aliran berasaskan falsafah sekular. Dalam konteks umat Islam, gerakan “pembaharuan” atau “refomasi” yang dikenali sebagai Islam Liberal muncul memberi tafsiran baharu terhadap agama Islam, iaitu dengan merombak manhaj Ahli Sunah Waljama'ah dan membina metodologi baharu selari dengan kerangka liberalisme. Melalui pendekatan analisis kandungan dokumen, makalah ini menilai pemikiran Islam Liberal, khususnya penelitian kritis terhadap sejarah intelektualisme umat Islam

dan pentafsiran kembali al-Quran menggunakan kaedah hermeneutik. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan Islam Liberal bercanggah sama sekali dengan manhaj Ahli Sunah Waljamaah yang sabit serta bersifat wasatiyyah iaitu adil-beradab. Ahli Sunah Waljamaah berupaya mengimbangi antara literal-eksklusif dan liberal-inklusif ketika berdepan dengan pelbagai aliran pemikiran menyeleweng sepanjang sejarah umat Islam. Disebabkan itu, pemikiran Islam Liberal perlu ditolak oleh umat Islam di Malaysia selari dengan keputusan fatwa.

Kata kunci: Islam Liberal, penelitian sejarah, hermeneutik, Ahli Sunah Waljamaah, manhaj.

Cite as: Ahmad Bazli Shafie & Muhammad Rashidi Wahab. 2022. [The Liberal Approach to Islam and Its Contractions with The Sunni] Pendekatan Liberal Terhadap Islam dan Percanggahannya dengan Manhaj Ahli Sunah Waljamaah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 172-184.

PENGENALAN

Umat Islam pada hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran antaranya dari aspek pemikiran sehingga melahirkan golongan literalis dan liberalis. Kemunculan mereka dengan nama dan slogan tertentu sebagai cubaan menafsirkan ajaran Islam mengikut kerangka pemikiran masing-masing, iaitu sama ada dengan dakwaan untuk memelihara keaslian agama Islam atau bagi menjadikan Islam itu progresif agar sentiasa relevan dengan tuntutan semasa. Dalam hal ini, golongan literalis terutamanya Salafi-Wahabi dilihat cenderung menolak amalan yang dikatakan tidak berasaskan al-Quran dan hadis. Mereka akan menghukum orang yang tidak sependapat dengan kefahaman dan tafsiran mereka sebagai bidaah, sesat, murtad dan kafir, sebagaimana sikap Khawarij. Golongan ini jika tidak ditangani secara berkesan berpotensi membawa kepada radikalisme (Muhammad Rashidi et al., 2021: 339-404).

Manakala golongan liberalis iaitu Islam Liberal pula sebaliknya, iaitu mereka membuka seluas-luasnya kefahaman dan tafsiran agama Islam berasaskan kepada liberalisme yang berpusat kepada sekularisme Barat. Apa yang pasti, kedua-dua kelompok ini mengkritik hebat autoriti institusi, mazhab dan para ulama silam, bahkan secara tersiratnya bertujuan untuk meruntuhkan tradisi keilmuan Islam itu sendiri. Walau bagaimanapun, makalah ini hanya memfokuskan perbincangan kepada pendekatan Islam Liberal sahaja khususnya berkaitan penelitian terhadap sejarah intelektualisme umat Islam secara kritis dan pentafsiran kembali al-Quran menggunakan kaedah hermeneutik. Kepincangan pemikiran mereka akan diluruskan berdasarkan manhaj Ahli Sunah Waljamaah yang merupakan mazhab terbesar dan paling muktabar dalam Islam, yang juga pegangan majoriti umat Islam di Malaysia.

SOROTAN RINGKAS AHLI SUNAH WALJAMAAH

Sorotan menunjukkan bahawa istilah Ahli Sunah Waljamaah telah digunakan sejak zaman sahabat lagi. Ibn ‘Abbas RA (m. 68H) contohnya dilaporkan pernah menggunakannya ketika menafsirkan ayat 106 dari surah ali-‘Imran (Ibn Kathir, 1999: 3/92). Namun penggunaan istilah Ahli Sunah Waljamaah secara meluas berlaku ketika kemunculan pelbagai aliran pemikiran menyeleweng sekitar tahun 200-300 Hijrah. Penzahirannya dalam sejarah adalah bertunjangkan manhaj dan segala sifat asal ajaran dan amalan Islam yang mengikuti sunnah atau perjalanan

hidup Nabi Muhammad SAW dan jamaah para sahabat baginda terutama Khulafa' al-Rashidin (el-Muhammady, 1996: 13). Disebabkan itu, definisi Ahli Sunah Waljamaah dirumuskan sebagai kumpulan majoriti umat Islam yang mengikuti jejak langkah dilalui Rasulullah SAW, serta para sahabat, dalam memahami dan mempraktikkan Islam.

Secara lebih khusus, Ahli Sunah Waljamaah yang berkembang pada zaman khalaf telah disusun dan dihuraikan berdasarkan tiga bahagian utama Islam iaitu akidah, syariah dan tasawuf. Namun sebagai sebuah istilah teknikal, selalunya Ahli Sunah Waljamaah lebih sinonim dengan akidah, sebagaimana yang disebutkan oleh al-Zabidi (1989: 2/8) bahawa istilah Ahli Sunah Waljamaah secara mutlaknya merujuk kepada aliran Asha'irah dan Maturidiyyah. Kenyataan ini selari dengan sejarah Ahli Sunah Waljamaah yang memperlihatkan peranan dan sumbangan besar Imam al-Ash'ari (m. 330H) dan Imam al-Maturidi (m. 333H) dalam mempertahankan ketulinan ajaran Islam daripada serangan pelbagai aliran pemikiran menyeleweng. Kedua-duanya telah mengemukakan metodologi yang kukuh bersifat wasatiyyah berasaskan keseimbangan antara dalil naqli dan dalil 'aqli.

Pendirian al-Ash'ari tentang dalil naqli dikemukakan dalam karyanya al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah. Beliau menyatakan bahawa persoalan akidah merupakan agama Islam yang berlandaskan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW serta apa-apa yang diriwayatkan oleh para sahabat, tabi'in dan imam hadis. Sedangkan pendirian al-Ash'ari tentang dalil 'aqli dikemukakan dalam karyanya Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam dan al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'. Beliau mengkritik sebahagian manusia yang menjadikan kejahilan sebagai asas pemikiran sehingga tidak berusaha untuk berfikir dalam menganalisis persoalan agama. Mereka cenderung kepada bertaklid lantas mengkritik sesiapa yang menggunakan pemikiran untuk berinteraksi dengan agama dan menganggap ia perbuatan menyeleweng (Muhammad Rashidi dan Syed Hadzrullathfi, 2013: 58-70).

Berkata Abu al-Hasan al-Nadwi (2007: 133): "Sesungguhnya al-Ash'ari berjuang mempertahankan akidah yang dibawanya. Beliau tidak peduli apa yang dikatakan kepadanya dengan satu keyakinan bahawa jalan perjuangannya merupakan jalan yang berfaedah kepada agama pada masanya. Beliau mengembalikan agama dengan kehebatan dan kemuliaannya. Beliau bertindak menjaga agama dan akidah untuk generasi akan datang, sehingga beliau berjaya dengan usahanya yang berterusan, peribadinya yang kuat, akalunya yang hebat dan keikhlasannya jarang sekali ditemui, bagi menolak arus... Mu'tazilah dan pemikiran falsafah yang mengugat agama. Beliau juga berjaya mengukuhkan semula tapak kaki kebanyakan ulama yang telah bergoyang, akal dan akidah yang tidak seimbang. Bahkan mewujudkan satu keyakinan baharu Ahli Sunah Waljamaah terhadap akidah mereka."

Apa yang pasti, kekuatan metodologi ini berjaya memelihara akidah umat Islam, sekaligus berupaya mendepani kelompok ekstrem sama ada literalis seperti Hashawiyyah atau liberalis seperti Mu'tazilah. Disebabkan itu, Ahli Sunah Waljamaah berkembang dengan pesat dan diterima oleh umat Islam di seluruh dunia sehingga kini. Kajian The Royal Islamic Strategic Studies Centre (2010: 17) menunjukkan bahawa Asha'irah dan Maturidiyyah merupakan aliran majoriti umat Islam, dengan 90 peratus daripada keseluruhan umat Islam di dunia adalah pengikut aliran Kalam tersebut. Dalam konteks di rantau Nusantara pula, sejarah kemasukan dan perkembangan Islam di Malaysia turut berpegang dengan Ahli Sunah Waljamaah. Secara lebih tepat, dari aspek akidah beraliran Asha'irah, dari aspek syariah bermazhab Shafi'i dan dari aspek tasawuf merujuk kepada al-Ghazali (m. 505H).

Keadaan ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang seragam dan kukuh dalam pegangan beragama, seterusnya secara tidak langsung memberi sumbangan kepada kestabilan susunan politik, masyarakat dan perpaduan ummah (Abdul Shukor, 1998: 7). Disebabkan itu, sekalipun Perlembagaan hanya menyebutkan Islam adalah agama bagi Persekutuan (Perkara 3(1)), namun negeri-negeri sama ada melalui undang-undang tubuh, enakmen atau fatwa jelas menafsirkannya sebagai Ahli Sunah Waljamaah (Muhammad Rashidi dan Mohd Fauzi, 2018: 1-37). Malah terdapat negeri seperti Kelantan yang memperincikan lagi maksud Ahli Sunah Waljamaah dalam undang-undang tubuh negeri kepada: “Ahlu’s Sunnah wal Jamaah maknanya ialah mazhab Abu Al-Hassan Al-Asha’ri dan Abu Mansoor Al-Maturidi dan orang yang mengikut jejak langkah keduanya.” (Kerajaan Negeri Kelantan, 2008: 59).

Selain itu, perbincangan mengenai Ahli Sunah Waljamaah turut menyentuh perihal prinsip yang disepakati oleh umat Islam. Paling masyhur adalah huraian al-Baghdadi (T.th: 241-266) yang antaranya menyebutkan tentang mengisbatkan hakikat dan ilmu sama ada secara khusus atau umum. Walau bagaimanapun, dalam konteks zaman kini, menurut Mohd Zaidi Ismail (2015, <http://www.utusan.com.my>), terdapat tiga ciri penting Ahli Sunah Waljamaah iaitu: 1. Ahli Sunah Waljamaah pada penzahirannya bersikap wasatiyyah, iaitu adil-beradab, dalam berdepan dengan pelbagai pegangan dan kecenderungan melampau. 2. Ahli Sunah Waljamaah pada penzahirannya mewarisi sejarah dan khazanah ilmu yang ditinggalkan oleh generasi Salaf dan Khalaf. 3. Manhaj akidah Ahli Sunah Waljamaah dirumuskan dalam tiga mazhab utama iaitu Asha’irah, Maturidiyyah dan Hanabilah atau Ahl al-Hadith.

Prinsip yang dikemukakan di atas, terutamanya wasatiyyah, penting untuk diketengahkan dalam mendepani pelbagai aliran pemikiran menyeleweng yang ekstrem. Para ulama Ahli Sunah Waljamaah terbukti berjaya memelihara akidah umat Islam dengan manhaj tersebut sehingga agama Islam terus berkembang pesat. Justeru, tradisi pendekatan wasatiyyah ini perlu dimanfaatkan sebaik yang mungkin pada zaman moden kini ketika berinteraksi dengan cabaran semasa yang ditimbulkan oleh golongan literal dengan sifat eksklusif dan golongan liberal dengan sifat inklusif. Kedua-dua golongan ini telah memberikan kekeliruan terhadap umat Islam sama ada dengan dakwaan untuk memelihara keaslian agama Islam atau bagi menjadikan Islam itu progresif agar sentiasa relevan dengan tuntutan semasa. Cumanya dalam konteks makalah ini hanya difokuskan kepada golongan liberal sahaja.

LIBERALISME DAN PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL

Istilah liberalism berasal dari bahasa Latin iaitu liber yang bermaksud bebas atau merdeka. Pengertian ini adalah manifestasi daripada sejarah pertembungan masyarakat Barat dengan sistem atau autoriti kerajaan dan gereja (agama Kristian), bermula pada zaman Renaissance sekitar abad 14-16 Masihi. Dalam ertikata lain, liberalisme muncul sebagai tindak balas terhadap penindasan dan kongkongan daripada kerajaan dan gereja yang telah memberikan pengalaman pahit kepada masyarakat di Barat. Tindakbalas tersebut telah mempengaruhi beberapa negara seperti Revolusi Perancis 1789 yang menonjolkan konsep kebebasan, kesetaraan, persaudaraan (*liberté, égalité, fraternité*) sebagai piagam agung (*magna charta*) bagi liberalisme moden yang menafikan sebarang bentuk kawalan atau autoriti yang dianggap bertentangan dengan hak asasi, kebebasan dan harga diri setiap individu.

Memandangkan liberalisme mempunyai pelbagai definisi terminologi berdasarkan

sudut pandang masing-masing sama ada dalam konteks sosial-budaya, ekonomi mahupun politik, memadai topik ini mengambil definisi yang sesuai dengan konteks agama sahaja. Menurut *Encyclopaedia Britannica* (1994: 13/990), liberalisme merupakan suatu kepercayaan, falsafah hidup dan gerakan yang meletakkan idea kebebasan sebagai prinsip tertinggi dan dominan dalam usaha untuk membebaskan manusia daripada sebarang kawalan moral dan menggantikan peranan agama dalam mengatur kehidupan individu dan masyarakat. Justeru, liberalisme dalam agama boleh difahami sebagai pemikiran atau ideologi yang ingin melonggarkan kepercayaan dalam keagamaan dengan membebaskan alam serta manusia dari kongkongan tuhan serta wahyu (Macmillian Publishing Company, 1987: 10/7).

Dalam konteks agama juga, liberalisme memperjuangkan kebebasan menganut, meyakini dan mengamalkan sesuatu ajaran sesuai dengan kecenderungan, kehendak dan selera individu. Bahkan mereka meletakkan agama sebagai urusan peribadi sehingga usaha penguatkuasaan dianggap tidak relevan dan bertentangan dengan konsep kebebasan individu. Liberalisme pada awalnya didukung oleh Protestan melalui reformasi ke atas institusi dan doktrin agama Kristian-Katolik. Setiap individu bebas mentafsirkan agama dan kitab suci tanpa terikat dengan aturan gereja. Oleh itu, prinsip liberalisme boleh dirumuskan kepada; (i) individu bebas berfikir tanpa batasan, (ii) tiada kebenaran mutlak yang cenderung kepada *sufasta'iyah*, iaitu skeptisisme, agnostisisme dan relativisme, (iii) individu bebas daripada ikatan agama (*no commitment and free exercise of religion*) (Hamid Fahmy, 2012: 144-152).

Dalam konteks Islam pula, kemunculan Islam Liberal merupakan kesinambungan daripada falsafah dan gerakan liberalisme di Barat. Istilah Islam Liberal digunakan pertama kali oleh Asaf Ali Ashgar Fyzee (m. 1981) sebagai suatu protes terhadap Islam tradisi (Charles Kuzman, 1998: 4). Namun penggunaan istilah Islam Liberal secara meluas dipopularkan oleh Leonard Binder (1988) dan Charles Kuzman (1998) yang memberi gambaran seolah-olahnya Islam itu mempunyai pelbagai versi. Istilah yang mengelirukan tersebut sudah tentu bertentangan dengan Islam itu sendiri sebagai satu-satunya agama yang paling benar (ali-'Imran (3): 19). Hakikatnya, Islam Liberal hanyalah aliran pemikiran baharu yang *exogenous*, iaitu aliran pemikiran yang muncul akibat pengaruh modenisasi Barat ke atas segelintir umat Islam, dan ia bukan satu mazhab mahupun pemikiran Islam (Ugi Suharto, 2012: 3-4).

Gerakan Islam Liberal cuba memberi tafsiran baharu terhadap Islam sesuai dengan perubahan semasa berasaskan kerangka liberalisme Barat, dengan mencabar manhaj Ahli Sunah Waljamaah yang telah disepakati dan mapan (*established*) melalui pendekatan meruntuh (*deconstruct*) dan membina (*reconstruct*) asas-asas intelektual baharu pascamodenisme (Ugi Suharto, 2012: 6). Malah kajian berterusan terhadap wacana para pendukung gerakan ini menunjukkan bahawa; (i) kerangka pemikiran, metodologi, konsep dan teori liberalisme yang dibawa adalah bertentangan dengan tradisi intelektual Islam, (ii) wujudnya jalinan dan keselarian antara Muslim Liberal dan Barat dalam pelbagai isu dan konsep yang diperjuangkan, antaranya berkaitan masyarakat sivil (*civil society*), pluralisme agama, kesetaraan (*equality*) gender, feminisme, humanisme, kebebasan dan hak asasi manusia.

Jelasnya, Islam Liberal adalah istilah yang menggabung dua faham yang bertentangan kerana liberalisme, sepertimana yang dinyatakan, adalah aliran pemikiran yang berusaha membebaskan dan memisahkan diri manusia daripada agama, prinsip abadi dan sumber Ilahi serta berlawanan dengan faham Islam sebagai *al-din*. Kekeliruan golongan Muslim Liberal boleh dibahagikan dari dua; (i) epistemologi: Muslim Liberal mendokong faham relativisme dan

skeptisisme, (ii) metodologi: Muslim Liberal mendukung kebebasan dan ijtihad dengan menolak autoriti (Hamid Fahmy, 2012: 144-152). Justeru, mereka menggesa dilakukan rombakan ke atas asas epistemologi dengan merangka struktur baharu pemikiran Islam melalui; (i) penelitian terhadap sejarah intelektualisme umat Islam secara yang kritis (historico-critical method), (ii) pentafsiran kembali al-Quran menggunakan kaedah hermeneutik.

PENELITIAN SEJARAH ISLAM SECARA YANG KRITIS

Kajian sejarah Islam begitu penting bagi generasi kontemporari. Kejahilan dan kekeliruan tentang sejarah Islam boleh menimbulkan keraguan mengenai kebenaran ajaran Islam serta peranan dan sumbangan tamadun Islam terhadap dunia keseluruhannya. Justeru, kajian sejarah Islam berasaskan metodologi yang betul sangat penting bagi memperolehi data dan fakta yang tepat serta tafsiran yang benar tentang tokoh dan sumber muktabar (Wan Mohd Nor, 2011). Dalam hal ini, al-Attas (1990: 2-3) menyebutkan bahawa tugas seorang ahli sejarah bukan sekadar mengkaji, mencatat dan melaporkan segala hal yang terjadi, tetapi mereka harus memilih apa yang hendak dikaji dan mengasingkan apa yang hendak dicatat daripada pelbagai bahan. Kemudian merumuskan apa yang hendak dilaporkan dengan tujuan bagi menayangkan gambaran sifat tertentu yang merupakan hakikat sesuatu bangsa itu.

Fazlur Rahman (1919-1988M) antara tokoh yang menggesa dilakukan penelitian terhadap sejarah intelektualisme umat Islam secara yang kritis melalui “historico-critical method”. Kaedah ini merupakan suatu pendekatan yang dikembangkan oleh para orientalis di Barat seperti David S. Margoliouth, Goldziher, Joseph Schacht, H. R. Gibb dan N. J Coulson yang bertujuan untuk mengkritik asas-asas ajaran Islam yang telah menjadi tradisi dalam kalangan para ulama. Berdasarkan metodologi ini, Fazlur Rahman melalui beberapa karyanya seperti *Islamic Methodology in History*, *Islam dan Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*, telah membahagikan Islam kepada dua; Islam normatif (normative Islam) dan Islam historis (historical Islam). Islam historis pada dasarnya adalah tafsiran dan terjemahan Islam dalam konteks tertentu sepanjang sejarah umat Islam.

Dalam erti kata lain, kemunculan dan perkembangan pelbagai aliran akidah, falsafah, tasawuf dan mazhab fikah adalah hasil daripada proses evolusi sejarah yang merupakan reaksi dan sintesis ajaran al-Quran terhadap keperluan dan perkembangan sesuatu zaman itu. Maka aliran atau mazhab tersebut tidak sepenuhnya sesuai untuk diterapkan atau digunakan pada masa kini. Maka umat Islam perlu kembali kepada landasan Islam normatif dengan pentafsiran semula al-Quran dan meneliti fakta serta menemukan nilai yang terkandung dalam sejarah Islam secara yang objektif bagi membangunkan (reconstruct) intelektualisme Islam dan disiplin ilmu Islam semasa (Fazlur Rahman, 1982: 141-162). Sehubungan itu, tokoh Muslim Liberal menggesa dilakukan rombakan dan merangka struktur baru pemikiran Islam (reconstruction) melalui pentafsiran kembali al-Quran menggunakan kaedah hermeneutik.

Menurut Fazlur Rahman (1982: 8) lagi, pemahaman al-Quran berasaskan kaedah hermeneutik ini adalah pelaksanaan terhadap ijtihad secara yang sistematik dan menyeluruh dalam menangani permasalahan semasa umat Islam: “Ijtihad means the effort to understand the meaning of a relevant text or precedent in the past, containing a rule, and to alter that rule by extending or restricting or otherwise modifying it in such a manner that a new situations can be subsumed under it by a new solution.” Oleh itu, gerakan Islam Liberal, melalui pendekatan

“historico-critical method” ini, secara beransur-ansur akan memutuskan hubungan kaum Muslimin daripada tradisi keilmuan Islam, merubah sikap Muslimin terhadap ilmu dan tujuan hidup, iaitu dengan secara tidak langsung menyerap pandangan hidup, nilai dan cara berfikir Barat, malah akan memecah belahkan perpaduan umat Islam.

Pendekatan ini bertentangan dengan sikap tokoh ilmuwan Islam dalam kajian sejarah Islam. Menurut Ibn Khaldun (2004: 1/81), sejarah merupakan disiplin ilmu yang mengandungi penelitian dalam usaha mencari kebenaran melalui penjelasan, pengertian dan pengetahuan tentang sesuatu peristiwa atau khazanah dalam sesuatu bangsa dan tempat, yang mana ia termasuk dalam kerangka peradaban (al-‘umran). Ini bermaksud, sejarah Islam mengandungi nilai dan kedudukan yang penting sebagai petunjuk dan pengajaran kepada manusia lain. Antara khazanah umat Islam yang berharga ialah tradisi keilmuan berdasarkan manhaj Ahli Sunah Waljamaah yang diwarisi daripada Nabi Muhammad SAW, seterusnya dikembangkan dan disebarkan oleh generasi Salaf sehinggalah sampai ke generasi Khalaf kini. Kekuatan tradisi ini terbukti berjaya memelihara agama Islam dalam pelbagai aspek.

Perkara tersebut bertepatan dengan hadis yang menyatakan bahawa para ulama merupakan pewaris keilmuan para nabi. Maka data dan tafsiran yang perolehi oleh umat Islam terkemudian sepatutnya digunakan bagi meneguhkan lagi kebenaran ajaran Islam yang terjelma melalui aliran atau mazhab yang muktabar. Adapun perubahan dan perbezaan yang berlaku dalam lingkungan ilmuwan Islam hanya melibatkan penghuraian, pemurnian dan penghalusan pemikiran terdahulu, bukan bertujuan penukaran dasar atau prinsip sehingga meruntuhkan manhaj Ahli Sunah Waljamaah yang telah mapan (Wan Mohd Nor, 2011). Usaha meruntuhkan tradisi intelektualisme umat Islam dengan membawa kaedah baharu lain yang lemah akan mengakibatkan kerosakan kepada ketulinan ajaran Islam. Antara kaedah baharu tersebut ialah hermeneutik yang digunakan untuk menafsir semula al-Quran.

PENTAFSIRAN AL-QURAN DENGAN HERMENEUTIK

Metodologi yang digunakan dalam memahami sesuatu teks berkait rapat dengan tabiat (nature) teks itu sendiri. Hermeneutik (hermeneutics) merupakan suatu metodologi dalam memahami teks yang muncul berdasarkan latar belakang teks-teks penting dalam kepercayaan masyarakat Yunani dan juga teks-teks Bible Kristian dan Yahudi yang diragui kesahihan dan kewibawaannya sama ada dari segi periwayatan mahupun kandungan. Kaedah ini membuka ruang yang terlalu luas kepada pentafsir untuk mengkritik teks itu sendiri, di samping membuka ruang kepada penghuraian secara yang subjektif (Ahmad Bazli, 2012: 221-233). Apabila gerakan liberalisme berkembang masuk ke dunia Islam, hermeneutik turut menjadi sebagai suatu kaedah memahami al-Quran. Ia semakin mendapat tempat dalam kalangan ilmuwan Barat dan ilmuwan Muslim moden yang cenderung kepada Islam Liberal.

Antara tokoh yang mempelopori kaedah hermeneutik ialah Fazlur Rahman. Banyak tulisannya yang mengenegahkan idea ini seperti *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition* (1982), *Major Themes of The Quran* (1980), *Islamic Modernism: Its Scope, Method and Alternatives* (1970), *Interpreting the Quran* (1979), *Towards a Reformulation of the Methodology of Islamic Law* (1979), *Some Key Ethical Concepts of the Quran* (1983), *The Concept of Hadd in Islamic Law* (1965) dan *Riba and Interest* (1964). Begitu juga tokoh lain seperti Hasan Hanafi, Mohammed Arkoun dan Nasr Hamid Abu Zaid. Walau

bagaimanapun, Fazlur Rahman dianggap tokoh terawal yang cuba menggunakan kaedah hermeneutik ini untuk memahami dan menafsirkan al-Quran, walaupun perbahasannya tidak mendalam berbanding Arkoun dan Abu Zaid (Farid Esack, 2002: 64-68).

Fazlur Rahman dalam tulisannya tersebut mengkritik generasi awal ilmuwan Islam sebagai gagal memahami dan mengarang worldview al-Quran serta hukumnya secara sistematik dan sempurna kerana ketiadaan metodologi yang jelas. Dalam membahas tentang pembaharuan hukum Islam, Fazlur Rahman menggunakan pendekatan “double movement” yang melibatkan pemahaman situasi masa kini, kemudiannya kembali kepada zaman turunnya al-Quran, seterusnya kembali semula ke masa kini. Langkah pertama melibatkan dua langkah utama; (i) memahami makna sesuatu ayat dengan mengkaji situasi sejarah atau permasalahan khusus yang menjadi sebab turunnya sesuatu ayat, (ii) seterusnya difahami tujuan umum daripada ketetapan hukum secara khusus melalui pengamatan terhadap latarbelakang sosial dan sejarah turunnya ayat serta *rationes legis* (‘ilat hukum) yang dinyatakan oleh al-Quran.

Proses tersebut harus mengambil perhatian terhadap dasar ajaran al-Quran secara keseluruhannya supaya setiap makna yang difahami dan objektif yang dirangka akan selari antara satu sama lain. Langkah pertama ini juga melibatkan kajian serta kefahaman konteks turunnya ayat al-Quran pada tahap mikro, iaitu sebab dari turunnya ayat secara khusus, dan tahap makro iaitu memahami situasi zaman turunnya al-Quran sama ada masyarakat Mekah dan Madinah secara khusus mahupun masyarakat dunia secara umum. Di sinilah pentingnya asbab al-nuzul dan nasikh wa manshukh. Bahkan kedua-duanya amat penting dalam menentukan dasar umum yang menyatukan keseluruhan makna ayat al-Quran. Setelah dasar, nilai dan objektif umum dapat disimpulkan dari ayat khusus, langkah kedua mengaplikasikan dasar umum itu menurut konteks sosiologi sesuatu zaman secara khusus.

Dengan kata lain, dasar umum itu harus disesuaikan pula dengan konteks sosial dan sejarah masa kini. Langkah ini menuntut kajian secara yang teliti tentang situasi masa kini dan menganalisis kepelbagaiannya untuk membolehkan penilaian dan perubahan dilakukan menurut keperluan dan situasi masa, dan seterusnya menentukan keutamaan dalam melaksanakan nilai-nilai al-Quran secara yang segar. Sebagai contoh dalam al-Quran dinyatakan bahawa ketiadaan dua orang saksi lelaki hendaklah diganti dengan seorang saksi lelaki dan dua orang saksi wanita (al-Baqarah (2): 282). Dalam erti kata yang lain, persaksian seorang lelaki bersamaan persaksian dua orang wanita. Pada menghuraikan masalah ini, Fazlur Rahman menyatakan bahawa *ratio legis* atau yang menjadi matlamat di sebalik ketetapan al-Quran ini adalah bukti atau persaksian yang betul.

Oleh kerana dalam masyarakat Arab Jahiliyyah kedudukan dan juga penglibatan wanita itu terbatas, maka disyaratkan dua wanita adalah bersamaan dengan seorang lelaki. Namun dalam konteks masa kini, persaksian seorang wanita adalah sama dengan persaksian seorang lelaki kerana status dan penglibatan wanita dalam masyarakat telah diterima secara meluas. Berdasarkan huraian tersebut, hermeneutik menurut Fazlur Rahman dan Muslim Liberal lain adalah dengan meletakkan semua teks, termasuk juga nas, adalah sama setara, yang mana semuanya hanya merupakan karya atau hasil manusia. Setiap teks adalah hasil atau produk yang dilatari oleh konteks sejarah tertentu yang relatif atau nisbi. Justeru, tafsiran terhadap sebarang teks al-Quran tiada yang mutlak kebenarannya. Kebenaran terikat dan bergantung pada latar belakang pentafsir dan konteks zaman dan tempat tertentu.

Sedangkan menurut Ahli Sunah Waljamaah, al-Quran adalah sumber ilmu tertinggi

yang sah kewibawaan periwayatan dan kandungannya. Bahasa al-Quran, sebagai pancaran ilmu yang benar, adalah tepat dari sudut maknanya, terpelihara dari sebarang kecurangan ('iwaj) dan penyelewengan. Disiplin tafsir dan takwil adalah manhaj saintifik yang tepat tentang lingkungan semantik, yang terbina kukuh mengawal struktur konseptual perbendaharaan kata al-Quran dengan memancarkan pandangan Islam tentang hakikat dan kebenaran. Liberalisme melalui hermeneutik telah menafikan kebenaran, mengangkat kenisbian dan meruntuhkan tembok pemisah antara; yang hak dan yang batil, yang benar dan yang salah serta yang terpuji dan yang tercela. Malah liberalisme turut meragukan sumber hukum Islam dan meruntuhkan manhaj yang mengakibatkan kecelaruan akidah dan syariat Islam.

FATWA MENGENAI ISLAM LIBERAL DI MALAYSIA

Sekalipun istilah Islam Liberal muncul sedikit lewat sebagaimana yang dijelaskan, namun arus modenisasi lebih awal bergerak masuk ke dalam dunia Islam. Pada zaman kini penyebaran pemikiran Islam Liberal mendapat bantuan dan tajaan secara besar-besaran daripada Barat dengan pelbagai nama dan slogan. Dalam konteks rantau Nusantara, projek Islam Liberal secara terbuka bermula di Indonesia sekitar tahun 1970-an melalui usaha beberapa tokoh seperti Abdul Mukti Ali, Harun Nasution, Nurcholis Madjid, Ulil Absar dan lain-lain, sehingga pada tahun 2001 mereka berjaya menubuhkan Jaringan Islam Liberal (JIL). Di Malaysia pula, walaupun tiada tokoh atau kumpulan yang jelas sepertimana di Indonesia, namun pemikiran liberal dapat dilihat melalui isu-isu yang dimainkan oleh mereka yang cenderung kepada Islam Liberal antaranya melalui perjuangan hak asasi manusia acuan Barat.

Jika diteliti, agenda Islam Liberal bukan sahaja untuk merosakkan asas ajaran agama Islam sebagaimana yang dinyatakan, bahkan ia boleh membawa kepada ketidakstabilan politik serta sosial, menghakis nilai serta perpaduan rakyat dan mengancam keselamatan negara. Penelitian semasa menunjukkan bahawa golongan Islam Liberal turut didokong oleh non-Muslim yang anti Islam, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan juga ia berkembang melalui medan politik yang tidak cenderung kepada agenda Islam. Keadaan demikian menjadikan ancaman liberalisme di Malaysia semakin rumit untuk tangani oleh kerajaan dan pihak berkuasa agama. Dalam hal ini, Muhammad Rashidi (2017: 17-40) telah menyenaikan 10 bentuk ancaman dan agenda golongan Islam Liberal dalam konteks Malaysia hari ini yang perlu diberikan perhatian serta ditangani secara drastik dan berkesan.

Oleh itu, melihat kepada bahaya ancaman Islam Liberal terhadap agama dan negara, beberapa fatwa telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama Islam di Malaysia. Fatwa yang dikeluarkan tersebut merupakan salah satu cara untuk menjelaskan kepincangan dan mengawal penuliran pemikiran liberal dalam kalangan umat Islam. Justeru, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan mengenai persoalan Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya kepada Islam di Malaysia (Portal Rasmi Fatwa Malaysia, 2006: <http://www.e-fatwa.gov.my/>). Hasilnya, muzakarah telah memutuskan bahawa gerakan pemikiran Islam Liberal mengandungi fahaman dan ideologi yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah sepertimana perincian berikut:

1. Dari Aspek Akidah:

- a) Berpegang kepada konsep pluralisme: Konsep pluralisme adalah menjadi pegangan utama dalam aliran pemikiran liberal. Pluralisme agama berpendirian bahawa setiap agama mempunyai konsep, persepsi dan respon yang tersendiri terhadap Realiti Yang Agung (ultimate reality). Semua agama adalah sama tarafnya merujuk kepada Realiti Yang Agung.
- b) Akal manusia adalah wahyu: Aliran ini membahagi wahyu kepada dua kategori iaitu wahyu yang bertulis dan wahyu yang tidak bertulis. Wahyu bertulis adalah al-Quran dan ia adalah teks semata-mata. Wahyu tidak bertulis adalah akal manusia dan akallah yang sebenarnya menghidupkan teks al-Quran berdasarkan tujuan, konteks suasana zaman.
- c) Meragui ketulinan al-Quran: Aliran pemikiran ini mendakwa al-Quran diresapi dengan budaya Arab kerana orang Arab menjadi pemilik bahasa itu, tambahan pula katanya Nabi Muhammad yang menjadi pembawa risalah juga terdiri dari orang Arab. Mereka menyatakan bahawa kesahihan risalah tersebut tidak ada lagi kerana sebenarnya yang ada hanyalah message budaya Arab.

2. Dari Aspek Syariah:

- a) Mempersoalkan metodologi pentafsiran al-Quran dan al-Hadith: Aliran pemikiran ini mempersoalkan cara atau metodologi pentafsiran al-Quran yang digunapakai kini. Dengan slogan “membuka dan membebaskan tafsiran al-Quran”, aliran pemikiran ini menggunakan pendekatan takwilan sendiri terhadap beberapa ajaran al-Quran yang jauh berbeza dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah. Contohnya, mereka mendakwa syurga dan neraka tidak wujud melainkan kesan psikologi kegembiraan dan kesedihan manusia. Hari Akhirat ditafsirkan sebagai tidak wujud melainkan satu fasa untuk manusia mencapai satu tingkatan kepada tingkatan yang lebih matang dan sempurna.
- b) Menggesa tafsiran baru konsep ibadat: Aliran pemikiran ini juga berpegang ‘membuka dan membebaskan’ tafsiran al-Quran, sebagai alasan untuk memajukan umat Islam dan menganjurkan agar teks-teks al-Quran menempuh proses dekonstruksi bagi membolehkan tafsiran-tafsiran baru dibuat.
- c) Mempertikaikan kriteria dan akhlak kenabian: Aliran pemikiran ini secara sinis mengkritik sifat Nubuwwah yang dimiliki oleh Rasulullah SAW dengan mengatakan ia tidak lain hanyalah sebagai kemampuan kepimpinan seorang manusia ke atas manusia lain (leadership value). Justeru sesiapa pun boleh mempunyai sifat nubuwwah tersebut untuk memimpin manusia ke arah ciri-ciri yang baik. Malah mukjizat seperti peristiwa Isra’ dan Mikraj dianggap sebagai bahan cerita yang sengaja diperbesarkan (exageration) oleh pengikut baginda yang taksub sedangkan ia hanyalah sekadar mimpi yang tidak terjadi di alam realiti.
- d) Sikap terhadap ilmu-ilmu Islam: Ilmu-ilmu Islam seperti Usul al-Tafsir, Usul al-Fiqh, Usul al-Hadith, al-Jarah wa al-Ta’dil dan sebagainya yang telah secara ijmak diterima sebagai metode dalam disiplin ilmu, telah dikritik oleh aliran pemikiran ini sebagai buatan manusia. Penentuan hukum yang telah qat’i dan hukum yang tidak qat’i menurut

mereka perlu dinilai semula dalam usaha merealisasikan konsep membuka dan membebaskan Islam melalui tafsiran semula ajaran Islam.

- e) Sikap terhadap hukum: Aliran pemikiran liberal ini mempunyai kaedah yang tersendiri apabila merujuk kepada hukum-hukum Fiqh iaitu mengambil tujuan hukum bukan bentuk hukum.”

Berdasarkan kepada ciri-ciri penyelewengan tersebut, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) memutuskan bahawa aliran pemikiran Islam Liberal adalah sesat dan menyeleweng daripada syariat Islam. Di peringkat negeri pula, Jawatankuasa Fatwa Selangor contohnya, yang bersidang pada 17 Julai 2014 turut mengharamkan fahaman liberalisme dan pluralisme agama terutamanya terhadap kumpulan Sisters in Islam (SIS) (Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2014: <http://www.muftiselangor.gov.my/>). Semua fatwa ini membuktikan bahawa pihak berkuasa agama di Malaysia menyedari tentang ancaman liberalisme. Pun begitu, ia masih belum memadai dan memerlukan kerjasama utuh semua pihak dengan peranan masing-masing dalam mendepani serangan pemikiran Islam Liberal ini.

KESIMPULAN

Perkembangan fasa modenisme yang bermula di Barat memberi pengaruh yang besar kepada tamadun manusia zaman kini. Dalam konteks umat Islam, gerakan liberalisme secara beransur-ansur memutuskan hubungan kaum Muslimin daripada tradisi keilmuan Islam dan merubah sikap Muslimin terhadap ilmu dan tujuan hidup. Konsep dan prinsip Islam diganti dengan menyerap masuk pandangan hidup, nilai dan cara berfikir Barat melalui pandangan yang celaru tentang kebebasan, hak asasi manusia, kesamarataan antara gender, pluralisme agama sebagai asas pembangunan masyarakat dan kemajuan negara. Konsep yang difahami dalam semangat kebudayaan Barat yang berteraskan ideologi sekular seperti evolusionisme, sosialisme, demokrasi, dualisme, humanisme dan tragedi, mencerminkan kekeliruan mengenai faham ketuhanan, wahyu, hakikat alam semesta, insan dan agama.

Sedangkan pandangan alam Islam serta pegangan akidahnya memberi penekanan yang tegas kepada keupayaan manusia mencapai keyakinan dan kebenaran dalam ilmu serta mengikut salurannya yang khusus. Pandangan alam ini juga menolak sekeras-kerasnya sikap yang menafikan keupayaan manusia untuk mencapai keyakinan, iaitu agnotisisme, relativisme dan subjektivisme yang menjadi asas kepada liberalisme. Justeru, perhatian yang serius perlu diberikan bagi mengangkat dan memperteguhkan manhaj Ahli Sunah Waljamaah yang menjadi identiti kepada majoriti umat Islam di seluruh dunia, termasuklah di Malaysia, sejak zaman berzaman sebagai aliran wasatiyyah sebenar. Ahli Sunah Waljamaah berpegang kepada ilmu yang sabit, keseimbangan antara wahyu dan akal, ijmak ulama yang muktabar dan adab ikhtilaf bagi mengelakkan perselisihan yang membawa kepada perpecahan..

RUJUKAN

Abdul Shukor Husin. 1998. *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ahmad Bazli Shafie. 2012. "Pluralisme Agama: Ancaman terhadap Kemurnian al-Quran." *Pluralisme Agama: Satu Gerakan Iblis Memurtadkan Ummah*. Ismail Mina (ed.). Kuala Lumpur: Muafakat.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1990. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: ABIM.
- al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. T.th. *Al-Farqu Bayna al-Firaq*. Tahqiq: Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Qahirah: Dar al-Tala'i'.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali. 2007. *Rijal al-Fikr wa al-Da'wah fi al-Islam*. Damshiq: Dar Ibn Kathir.
- al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad bin Muhammad al-Husaini. 1989. *It'haf al-Sadah al-Muttaqin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Charles Kuzman (ed.). 1998. *Liberal Islam: A Source Book*. New York: Oxford University Press.
- el-Muhammady, Muhammad Uthman. 1996. *Sejarah dan Konsep Ahli Sunnah Waljamaah*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Encyclopaedia Britannica, Inc. 1994. *The New Encyclopaedia Britannica*. USA: Chicago.
- Fahmi Salim. 2010. *Kritik terhadap Studi al-Qur'an Kaum Liberal*. Jakarta: Perspektif Kelompok Gema Insani.
- Farid Esack. 2002. *Qur'an, Liberation and Pluralism: An Islamic Perspective of Interreligious Solidarity Against Oppression*. Oxford: Oneworld.
- Fazlur Rahman. 1964. "Riba and Interest." *Islamic Studies*, 3(1).
- Fazlur Rahman. 1965. "The Concept of Hadd in Islamic Law." *Islamic Studies*, 4(3).
- Fazlur Rahman. 1970. "Islamic Modernism: Its Scope, Method and Alternatives." *International Journal of Middle Eastern Studies*, 1(4).
- Fazlur Rahman. 1979. "Interpreting the Qur'an" dan "Towards a Reformulation of the Methodology of Islamic Law: Sheikh Yamani on Public Interest." *New York University Journal of International Law and Politics*, 12(2).
- Fazlur Rahman. 1980. *Major Themes of The Quran*. Chicago: Bibliotheca Islamica.
- Fazlur Rahman. 1982. *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Fazlur Rahman. 1983. "Some Key Ethical Concepts of the Quran." *The Journal of Religious Ethics*, 11(2).
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2012. *Misykat Refleksi Tentang Islam, Westernisasi dan Liberalisasi*. Jakarta: Insists.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir. 1999. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Tahqiq: Sami bin Muhammad al-Salamah. Riyad: Dar Thaibah.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman ibn Muhammad. 2004. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. 'Abd Allah Muhammad al-Darwish (ed.). Damshiq: Dar al-Balkhi.
- Kerajaan Negeri Kelantan. 2008. *Undang-Undang Negeri Kelantan dan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*. Kelantan: Kerajaan Negeri Kelantan.
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2014. "Fatwa Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama." *Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor*. Dlm. <http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/362-fatwa-pemikiran-liberalisme-dan-pluralisme-agama>

- Leonard Binder. 1988. *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies*. Chicago: University of Chicago Press.
- Macmillian Publishing Company. 1987. *The Encyclopedia of Religion*. Mircea Eliade (ed.). New York: Macmillian Publishing Company.
- Mohd Zaidi Ismail. 7 Disember 2015. "Tiga ciri Ahli Sunnah wal Jamaah." *Utusan Malaysia*. Dlm. <http://www.utusan.com.my/rencana/tiga-ciri-ahli-sunnah-wal-jamaah-1.166371>
- Muhammad Rashidi Wahab et. al.. 2021. "Majalah DABIQ Sebagai Medium Propaganda Pemikiran Tauhid Islamic State of Iraq and Sham (ISIS)." *AFKAR: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 23(2).
- Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Fauzi Hamat. 2018. "Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Asha'irah dan al-Ash'ari: Satu Pengenalan." *Jurnal Penyelidikan Islam*, 30.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2013. "Peringkat Pemikiran Imam al-Ash'ari dalam Akidah." *International Journal of Islamic Thought*, 3.
- Muhammad Rashidi Wahab. 2017. "Ancaman Liberalisme di Malaysia." *Jurnal Penyelidikan Islam*, 29.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2006. "Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam di Malaysia." *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*. Dlm. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/aliran-pemikiran-liberal-hukum-dan-implikasinya-kepada-islam-di-malaysia>
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. 2010. *The 500 Most Influential Muslims In The World 2010*. USA: Georgetown University.
- Ugi Suharto. 2012. *Pemikiran Islam Liberal: Pembahasan Isu-Isu Sentral*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 9 September 2011. "Falsafah dan Metodologi Pengkajian Sejarah Syed Muhammad Naquib al-Attas." *Kertas Kerja Seminar Khas Sejarah Alam Melayu: Antara Fakta dan Khayalan*. Kuala Lumpur: CASIS UTM.